

→ OPERASI BANCI EKONOMI 2016

Banci Ekonomi
jadi rujukan
pelbagai sektor

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]



Datuk Dr Abdul Rahman bersama Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi), Ismail Yusoff (kanan) menunjukkan borang Banci Ekonomi 2016 di Jabatan Perangkaan, Putrajaya.

→ Pengumpulan data, maklumat jadi pengukur keberkesanan sesuatu polisi

Putrajaya

Apabila seseorang usahawan itu ingin membuka premis perniagaan atau ingin memperkukuhkan perniagaan sedia ada, statistik daripada Banci Ekonomi (BE) adalah perkara utama yang diperlukan untuk membuat perancangan strategik bagi mengenal pasti potensi sesuatu perniagaan.

Sebagai contoh, seseorang usahawan yang ingin memulakan perniagaan dalam industri perhotelan di sesebuah negeri boleh menggunakan statistik subsektor penginapan daripada BE untuk mengenal pasti potensi dalam industri tersebut.

Menerusi statistik BE, seseorang usahawan itu dapat melihat jumlah hotel di negeri berkenaan, kadar pertumbuhan hotel, purata hasil, purata gaji pekerja dan beberapa indikator lain yang akan menjadi sumber rujukan sebelum memilih lokasi yang sesuai untuk membuka hotel.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Dr Haji Abdul Rahman Hasan, berkata BE dijalankan bagi mengumpul maklumat lengkap struktur dan profil kegiatan ekonomi serta aktiviti perniagaan di Malaysia dan ia dilaksanakan setiap lima tahun sekali.

Menurut beliau, bagi negara merdeka atau moden, statistik diperlukan untuk merancang polisi awam seperti ekonomi, sosial, alam sekitar dan pelbagai maklumat yang merangkumi setiap status hidup rakyat.

"Data yang diperolehi ini dapat mengukur keberkesanan sesuatu polisi sama ada ia berada di landasan yang betul atau memerlukan kajian semula."

"BE merangkumi sektor ekonomi seperti pertanian, perlombongan & pengkuarian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan," katanya ketika ditemubual di Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia.

Beliau berkata, antara negara maju yang menjalankan BE ada-

lah Amerika Syarikat, Britain dan Jepun, manakala negara ASEAN yang melaksanakan BE tahun ini adalah Indonesia dan Brunei.

Banci ini dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Di bawah Seksyen 5, akta ini mengkehendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Bentuk dasar ekonomi

Maklumat BE digunakan untuk membentuk dasar perkembangan ekonomi negara. Ia berperanan dalam menilai impak pelaksanaan dasar dan program pembangunan negara seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2012-2020.

Ia dapat membantu ahli ekonomi dan ahli akademik membuat unjuran dan analisis ekonomi serta membantu ahli perniagaan membuat keputusan dan perancangan serta mengukur prestasi perniagaan mereka. Selain itu, data BE juga digunakan untuk mengemas kini petunjuk ekonomi negara seperti Jadual Input-Output (I-O Tables), pengesanan semula Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Indeks Perkhidmatan (IoS) dan Indeks Harga Pengeluaran (IHP).

Tambah beliau, soalan mengenai transaksi e-dagang yang dijalankan oleh syarikat dan perniagaan turut diambil kira dalam BE2016 seperti jualan tiket penerbangan atas talian.

"Berdasarkan banci yang dijalankan pada 2011, 97.3 peratus daripada pertubuhan perniagaan adalah berstatus PKS."

"Merujuk kepada maklumat yang diperolehi pada bancian terdahulu, banci pada 2016 turut memberi perhatian kepada keperluan dan maklumat PKS."

Banci Ekonomi 2016 sedang dijalankan ke atas 700,000 syarikat dan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pertubuhan Profesional, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), pihak berkuasa tem-

patan (PBT) di Sabah dan Sarawak dan usahawan tani yang berdaftar dengan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Semua syarikat wajib menjawab bancian ini dan kita telah menghantar borang bancian sejak April lagi dan sehingga penghujung Ogos, semua borang soal selidik BE telah selesai diedar kepada responden."

Antara soalan yang dikemukakan adalah seperti profil syarikat dan perniagaan, pendapatan, perbelanjaan, nilai stok, nilai aset, guna tenaga, dan gaji serta upah yang dibayar kepada pekerja.

"Soal selidik yang telah lengkap diisi perlu dikembalikan dalam tempoh sebulan selepas tarikh penerimaan."


"Bagi responden yang memerlukan bantuan untuk menjawab soalan, mereka boleh menghubungi mana-mana pejabat negeri Jabatan Perangkaan Malaysia melalui talian hotline BE di portal Jabatan Perangkaan Malaysia, www.statistics.gov.my untuk mendapatkan bantuan," katanya.

Selaras dengan tagline Banci Ekonomi - Data Berkualiti Untuk Kesejahteraan Masa Hadapan, Datuk Dr Haji Abdul Rahman berharap semua syarikat yang terlibat dapat memberi kerjasama sepenuhnya.

Syarikat yang tidak memberi kerjasama dan disabitkan kesalahan akan didenda tidak melebihi RM500, manakala denda lanjut adalah RM500 bagi setiap hari akan dikenakan selama mana kesalahan itu berterusan. Denda ini diperuntukkan dalam Seksyen 7, Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989).

"Sekarang kita pada peringkat fasa pertama iaitu pada peringkat kerja lapangan dengan mengumpul maklumat banci yang mengambil masa sehingga November, seterusnya laporan BE akan dikeluarkan secara berperingkat dalam masa setahun," katanya.

Liputan Banci Ekonomi 2016



Infografik: Jabatan Perangkaan Malaysia

Info

Alamat

→ **Jabatan Perangkaan Malaysia**
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya
→ **E-mel:** be2016@stats.gov.my
→ **Website:**
<https://www.statistics.gov.my>